



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING BIL. 1/2023

16 JANUARI 2023

Kepada :

- Juruukur Bahan Consultant (CQS); dan
- Juruukur Bahan Professional (PQS); dan
- Juruukur Bahan Provisional (PVQS); dan
- Juruukur Bahan Technologist (QST)

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**INISIATIF TAMBAHAN LJBM PASCA PANDEMIK:
KEPERLUAN PENGUMPULAN MATA *CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT* (CPD)
UNTUK PEMBAHARUAN PENDAFTARAN TAHUN 2023**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada ahli-ahli berdaftar Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) mengenai pindaan terhadap **Tarikh Akhir** dan pindaan syarat keperluan pengumpulan mata CPD bagi pembaharuan pendaftaran tahun 2023.

Pindaan-pindaan tersebut merupakan inisiatif tambahan LJBM secara pentadbiran dan sementara yang bertujuan untuk membantu ahli berdaftar LJBM mengekalkan pendaftaran profesional mereka berikutan kekangan pasca pandemik.

2.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan garis panduan ini melainkan sekiranya konteksnya membawa maksud yang lain:

- (i) "Juruukur Bahan *Consultant*" (CQS) merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Consultant Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.

- (ii) “Juruukur Bahan *Professional*” (PQS) merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Professional Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.
- (iii) “Juruukur Bahan *Provisional*” (PVQS) merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Provisional Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.
- (iv) “Juruukur Bahan *Technologist*” (QST) merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Quantity Surveying Technologist* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.

3.0 LATAR BELAKANG

LJBM telah mengenal pasti bahawa terdapat ahli-ahli berdaftar (LJBM) yang masih belum mengemukakan permohonan pembaharuan pendaftaran tahun 2023 berikutan ketidakcukupan mata kredit CPD.

Sehubungan itu, LJBM ingin memaklumkan ketetapan-ketetapan baharu yang melibatkan keperluan berkaitan pengumpulan mata CPD sebagai salah satu inisiatif tambahan pasca pandemik LJBM bagi membantu ahli-ahli berdaftarnya menangani situasi ini.

Ketetapan-ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan 4(g) Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015).

4.0 PINDAAN TERHADAP KETETAPAN KEPERLUAN PENDAFTARAN

Pindaan terhadap ketetapan keperluan pendaftaran melibatkan prosedur berikut:

4.1 Tempoh Pembaharuan Pendaftaran 2023

Tarikh Akhir pembaharuan pendaftaran 2023 dilanjutkan sehingga 31 Mac 2023. Permohonan pembaharuan pendaftaran 2023 boleh dilaksanakan melalui Sistem ReQSys dalam tempoh dilanjutkan iaitu sehingga **31 Mac 2023** (Tarikh Akhir).

Nota: Sila ambil maklum bahawa hanya permohonan lengkap dan berstatus “NEW” akan diterima untuk proses kelulusan.

4.2 Keperluan Pengumpulan Mata CPD Tahun 2022

- (i) Pembaharuan Pendaftaran 2023
 - Juruukur Bahan Consultant (CQS): Keperluan **CPD dikekalkan (10 mata kredit CPD)**.
 - Juruukur Bahan Professional (PQS): Keperluan **CPD dikekalkan (10 mata kredit CPD)**.
 - Juruukur Bahan Provisional (PVQS) dan Technologist (QST): Keperluan **CPD dikekalkan (5 mata kredit CPD)**.

- (ii) Mata CPD yang telah dikumpul sepanjang tahun 2021 dan 2022 serta mata CPD yang dikumpul **mulai 1 Januari 2023 sehingga 31 Mac 2023** (Tarikh Akhir pembaharuan pendaftaran) **boleh** diguna pakai untuk pembaharuan pendaftaran tahun 2023.

5.0 PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN

Ketetapan-ketetapan di atas adalah berkuat kuasa dari tarikh Surat Pekeliling ini ditandatangani.

Sebarang pindaan dalam tempoh penguatkuasaan ini akan dimaklumkan secara rasmi dari semasa ke semasa.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' Sr AZIZ BIN ABDULLAH, CQS

Yang DiPertua

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Tarikh: 16 Januari 2023